



Submission date: 6/6/2020

Accepted date:

## KEBERKESANAN PETA MINDA DALAM PENGAJARAN KESUSASTERAAN ARAB UNTUK PELAJAR PROGRAM BAHASA ARAB, UPSI

*The Effectiveness of Mind Maps in Teaching Arabic Literature for Student of  
Arabic Language Program, UPSI*

Nazri Atoh,<sup>a</sup> Saipolbarin Ramli,<sup>a</sup> Anida Sarudin<sup>a</sup>

<sup>a</sup>Universiti Pendidikan Sultan Idris

nazri.atoh@fbk.upsi.edu.my

### Abstrak

Kesusasteraan merupakan ungkapan yang indah. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa kesusasteraan Arab adalah susah. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis perbezaan antara penggunaan peta minda dengan kaedah konvensional terhadap penguasaan pelajar dalam kesusasteraan Arab. Terdapat dua ujian yang dijalankan; iaitu pra-ujian dengan pengajaran secara konvensional, manakala pasca-ujian dengan menggunakan peta minda. Responden kajian ini terdiri daripada 89 pelajar tahun 3 program bahasa Arab yang mendaftar kursus BAS3133 pada semester 1, 2017/2018. Pendekatan analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data dengan perisian *Social Package for the Social Sciences* (SPSS). Kajian mendapati perbezaan antara pencapaian pelajar dalam kedua-dua ujian. Min yang diperoleh dalam pasca ujian adalah 64.5, meningkat 32.3 daripada min pra-ujian. Kesimpulannya, penggunaan peta minda dapat meningkatkan penguasaan pelajar. Implikasinya, persepsi negatif tentang kesusasteraan Arab dapat dihilangkan. Diharapkan kajian tentang kaedah pengajaran kesusasteraan Arab lebih banyak pada masa akan datang.

Kata Kunci: keberkesanan; peta minda; kesusasteraan Arab; persepsi.

### Abstract

Literature is a beautiful expression. There are perceptions that say Arabic literature is difficult. Therefore, this study was conducted to analyze the difference between the use of mind map and conventional methods on student achievements in Arabic literature. There are two tests run; ie pre-test with conventional teaching, while post-test using mind map. The respondents of this study were 89 students in Year 3 Arabic program who enrolled in BAS3133 course in semester 1, 2017/2018. Descriptive analysis approach was used to analyze data with Social Package for the Social Sciences (SPSS) software. The study found differences in student achievement in both tests. The mean obtained in Test 2 was 64.5, increasing 32.3 from the mean of Test 1. In conclusion, the use of mind maps can enhance student achievement. As a result, negative perceptions on Arabic literature can be eliminated. It is hoped that more studies on the method of teaching Arabic literature will become available in the future.

Keywords: effectiveness; mind maps; Arabic literature; perception

### PENDAHULUAN

Kesusasteraan merupakan karya seni sama ada dalam bentuk puisi ataupun prosa. Dalam kesusasteraan Arab, terdapat dua bentuk kesusasteraan; iaitu *al-Adab al-Wasfiy* (sastera deskriptif) dan *al-Adab al-Insha'i* (sastera kreatif). Khafajiy (1986) menjelaskan bahawa *al-adab al-wasfiy* (sastera deskriptif) ialah perbincangan tentang *qasidah* atau *risalah* secara deskriptif dan kritis. Oleh kerana itu, *al-adab al-wasfiy* ini terdiri daripada sejarah kesusasteraan, kritikan sastera dan teori sastera. Sejarah kesusasteraan ini membincangkan tentang keadaan sastera dan perkembangannya, kritikan sastera menjelaskan kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam karya-karya *al-adab al-insha'iy*. Teori kritikan pula ialah kumpulan pemikiran dan pendapat yang kuat, konsisten dan mendalam yang berkaitan dan berdasarkan teori pengetahuan atau falsafah tertentu dalam genesis sastera, sifat dan fungsi.

*Al-Adab al-insha'iy* (sastera kreatif) pula ialah kesusasteraan yang diungkap dalam bentuk puisi atau prosa, tentang perasaan dan peristiwa berkaitan persekitaran sama ada secara intrinsik yang memberi kesan pada diri pengkarya, yang dapat digambarkan dalam perasaan, kecenderungan dan keinginan. Peranan persekitaraan ini boleh juga secara ekstrinsik berdasarkan pengamatan pengkarya terhadap gunung, laut, langit, bintang, taman dan peristiwa yang pelbagai (Khafajiy: 1986). *al-Adab al-Insha'iy* ini terdiri daripada puisi yang merupakan ungkapan yang terikat dengan acuan dan rima dan prosa yang tidak terikat dengan acuan dan rima. Drama pula ialah karya sastera yang mempunyai plot, dialog dan watak, yang biasanya dipersembahkan pada khalayak.

Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), kursus kesusasteraan Arab di mula diperkenalkan dalam senarai kursus untuk Program Minor Bahasa Arab yang ditawarkan pada semester kedua sesi 2003/2004 (Zarima dan Taj Rijal: 2015). Kursus tersebut ialah BAS2053 *Pengantar Kesusasteraan Arab* (*Buku Panduan Akademik Fakulti Bahasa Sesi 2006/2007*: 2006). Seiring dengan penawaran program Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pendidikan pada tahun 2008, maka empat kursus ditawarkan di bawah komponen kesusasteraan Arab. Kursus-kursus tersebut adalah *BAS3013 Kebudayaan dan Kesusasteraan Arab*, *BAS3033 Kesusasteraan dalam Kebudayaan Islam*, *BAS3053 Kajian antara Budaya Arab-Melayu-Islam* dan *BAS3063 Adab al-Rihlah* (*Buku Panduan Akademik Fakulti Bahasa Sesi 2008/2009*: 2008).

Pada tahun 2014, penawaran kursus baharu untuk komponen kesusasteraan Arab diperkenalkan. Ini adalah hasil daripada semakan semula program. Kursus BAS3013, BAS3053 dan BAS3063 digantikan dengan kursus-kursus baharu; iaitu *BAS3123 Kesusasteraan Zaman Jahiliah dan Islam*, *BAS3133 Kesusasteraan Zaman Abbasi dan Andalus* dan *BAS3093 Kesusasteraan Zaman Mamluki, Uthmani dan Moden* (*Buku Panduan Akademik Fakulti Bahasa Sesi 2014/2015*: 2014). Dari sudut pendekatan pengajaran kursus pula, pensyarah atau pengajar kursus tersebut bebas menggunakan kaedah mengikut kehendak sendiri; sama ada *al-qawa'id wa al-tarjamah* dengan guru menterjemahkan teks Arab ke bahasa Melayu semasa sesi pengajaran, kaedah *al-mubaharah* dengan guru mengajar menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dan kaedah *al-intiq'a'iyyah* dengan guru mengajar menggunakan bahasa Arab dan bahasa Melayu mengikut kesesuaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pada semester 2, 2015/2016 terdapat 14.1% pelajar mendapat gred C- dan ke bawah keputusan peperiksaan bagi kursus kesusasteraan Arab; iaitu BAS3123 (*Analisis Gred Peperiksaan Semester 2, 2015/2016*: 2016). Pada semester 2, 2016/2017 pula, pelajar yang mendapat gred C- dan ke bawah adalah 3.4% (*Analisis Gred Peperiksaan Semester 2, 2016/2017*: 2017). Ini menunjukkan bahawa pencapaian pelajar terhadap kursus kesusasteraan Arab pada tahap sederhana.

Oleh itu, pengaplikasian peta minda dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus kesusasteraan Arab diperkenalkan untuk mengetahui keberkesanan pengaplikasian peta minda dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi kursus kesusasteraan Arab. Selain itu, kajian tentang pengaplikasian peta minda dalam pengajaran kursus kesusasteraan Arab adalah sebagai satu usaha untuk memastikan pelajar dapat menguasai kursus tersebut dengan baik, seterusnya menepis tanggapan yang mengatakan bahawa kursus kesusasteraan Arab adalah susah. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui pencapaian pelajar terhadap kursus kesusasteraan Arab dengan menggunakan pendekatan konvensional dalam pengajaran di UPSI. Selain itu,

kajian ini meneliti tahap penguasaan pelajar terhadap kursus kesusasteraan Arab dengan menggunakan peta minda dalam proses pengajaran dan pembelajaran di UPSI, di samping menganalisis perbezaan yang signifikan antara penggunaan peta minda dengan kaedah konvensional terhadap penguasaan pelajar dalam kursus kesusasteraan Arab di UPSI.

Terdapat kajian yang dijalankan berkaitan penggunaan peta minda ini, antaranya; Rajapriya dan Kumar (2017) dalam artikel yang berjudul *Effectiveness of mind mapping in higher education*", mereka mendapati bahawa pelajar cenderung dalam penggunaan peta minda. Hal ini kerana pelajar mampu untuk menunjukkan beberapa cara yang boleh mengembangkan proses pembelajaran mereka dalam sains. Selain itu, kajian tersebut merumuskan bahawa peta minda dapat menyediakan kepada pelajar kaedah pembelajaran yang berkesan jika ia dizahirkan dalam bentuk bertulis. Menurut mereka lagi, peta minda mendorong pelajar pada tahap pemprosesan yang mendalam bagi membentuk ingatan yang baik. Berdasarkan artikel tersebut, kajian ini pula dijalankan bagi melihat signifikasi penggunaan peta minda dalam pengajaran kursus kesusasteraan Arab. Hal ini untuk menganalisis tahap keberkesanannya penggunaan peta minda dalam pengajaran dibandingkan dengan kaedah konvensional.

Muniroh *et.al.* (2017) membincangkan peta minda dalam artikel yang berjudul *Tinjauan literature penggunaan peta minda dalam pengajaran matematik*. Mereka berpendapat bahawa faktor kelemahan dalam memahami konsep matematik menyebabkan pelajar tidak dapat memahami dan mengingati konsep matematik dengan mudah. Oleh itu, mereka mendapati bahawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan peta minda digunakan untuk membantu pelajar memahami sesuatu konsep matematik. Selain itu, kajian mereka turut mendapati bahawa penggunaan peta minda dapat membantu pembelajaran kerana peta minda mengandungi gambar, warna dan hubungkait antara satu sama lain yang menjadikan konsep matematik mudah untuk diingati. Oleh itu, dalam kajian yang dijalankan dalam kalangan pelajar di UPSI, ia bertujuan untuk menganalisis perbezaan tahap penguasaan pelajar yang diajar dengan kaedah konvensional dengan pengajaran yang menggunakan peta minda.

Rosnidar *et.al.* (2015) menjalankan kajian tentang keberkesanannya konsep peta minda dengan penggunaan i-Think. Kajian tersebut dijalankan untuk mengenalpasti keberkesanannya penggunaan i-Think terhadap pencapaian dan minat murid dalam tajuk sifat bahan, Sains tahun 4. Kajian tersebut mendapati bahawa min pencapaian pos-ujian kumpulan rawatan lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Selain itu, kajian menunjukkan min minat terhadap peta minda i-Think adalah tinggi berbanding penggunaan slaid berbentuk "bullet point". Oleh itu, kajian lanjutan dijalankan untuk menganalisis perbezaan pencapaian pelajar UPSI dalam kursus kesusasteraan Arab

anatar pendekatan pengajaran konvensional dengan pendekataan yang menggunakan peta minda.

Yahya dan Azmey (2012) menjalankan kajian tentang peta minda dalam artikel yang berjudul *Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentatif di sebuah sekolah menengah Arab di Negara Brunei Darussalam*. Mereka mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penulisan karangan argumentatif bagi sampel kumpulan eksperimen dalam pra dan pasca ujian setelah diberikan rawatan menggunakan peta minda. Ini membuktikan bahawa penggunaan peta minda Berjaya meningkatkan pencapaian pelajar dalam karangan argumentatif. Oleh itu, kajian ini dilanjutkan dengan melihat keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran kursus kesusasteraan Arab di UPSI.

Menurut Wickramasinghe *et.al.* (2007) dalam *Effectiveness of mind maps as a learning tool for medical students* berpendapat bahawa peta minda adalah ungkapan pemikiran secara radian (*radian thinking*) yang merupakan proses pemikiran bersekutu menuju dari titik pusat atau menghubungkannya ke titik pusat. Oleh itu, mereka berpendapat bahawa peta minda boleh digunakan sebagai kaedah pembelajaran kendiri yang memudahkan pemahaman konsep-konsep yang sukar. Dalam kajian tersebut, mereka mendapati bahawa kebanyakan pelajar dalam kumpulan yang menggunakan peta minda menganggap peta minda sebagai cara yang berguna untuk merumuskan maklumat. Mereka juga menganggapnya berguna untuk menghafal maklumat secara teratur berbanding dengan teknik pembelajaran mereka yang terdahulu. Pelajar menyatakan minat mereka untuk mempelajari lebih lanjut mengenai teknik peta minda dan mengikutinya dalam aktiviti akademik mereka di masa hadapan.

Berdasarkan kajian-kajian lepas tersebut, maka kajian ini dijalankan sebagai satu usaha dalam mencari pendekatan yang efisien dalam pengajaran kursus kesusasteraan Arab, khasnya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Selain itu, usaha ini boleh dijadikan sebagai titik tolak dalam mencari pendekatan yang berkesan dalam konteks pengajaran kursus kesusasteraan Arab di institusi-institusi lain, sama ada di universiti, kolej dan sekolah.

Dari sudut lain, kajian ini dijalankan atas kapasiti untuk dijadikan rujukan bagi pengkaji di masa hadapan berkaitan pengajaran dan pembelajaran kursus kesusasteraan Arab. Oleh itu, kajian ini dapat dijadikan sandaran dan panduan untuk pengkaji-pengkaji akan datang dalam mendapatkan gambaran berkaitan pengajaran kursus kesusasteraan Arab ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini. Data diperoleh melalui dua ujian yang dijalankan kepada 89 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun 3 Ijazah Sarjana muda Bahasa Arab dengan Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Rasional pemilihan responden adalah disebabkan oleh pelajar-pelajar tersebut telah mendaftar kursus BAS3123 KESUSASTERAAN ZAMAN JAHILIAH DAN ISLAM pada semester 2, 2016/2017. Responden ini juga mendaftar kursus BAS3133 KESUSASTERAAN ZAMAN ABBASI DAN ANDALUS pada semester 1, 2017/2018. Selain itu, responden mempunyai pengetahuan asas tentang kesusasteraan Arab berdasarkan latar belakang pengajian mereka sama ada dalam peringkat Sijil Tinggi Pesekolahan Malaysia (STPM) atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Terdapat dua ujian yang dijalankan; iaitu pra-ujian dengan pengajaran secara konvensional, manakala pasca-ujian dengan menggunakan peta minda. Pra-ujian dijalankan untuk mengetahui tahap pemahaman pelajar dengan pengajaran secara konvensional, manakala pasca ujian dengan menggunakan peta minda. Pra-ujian dijalankan sebelum pelajar dideahkan dengan penggunaan peta minda. Seterusnya, pelajar diajar dengan menggunakan peta minda. Setelah itu, pelajar menduduki pasca ujian untuk menilai penguasaan pelajar. Pendekatan analisis deskriptif digunakan kajian ini menganalisis data yang diperoleh bagi mengetahui keberkesanannya penggunaan peta minda dalam pengajaran kursus kesusasteraan Arab di UPSI. Analisis tersebut menyatakan min dan sisihan piawaian antara keputusan pelajar dalam pra-ujian dengan pasca ujian. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian *Social Package for the Social Sciences* (SPSS).

## PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN


Kursus kesusasteraan Arab merupakan kursus yang memerlukan pelajar bukan penutur asal usaha yang lebih dalam memahaminya. Hal ini disebabkan oleh perkataan yang digunakan jarang digunakan dalam pertuturan harian, terutamanya dalam teks puisi dan prosa. Oleh itu pendekatan pengajaran perlu dipelbagaikan antaranya pengaplikasian peta minda dalam pengajaran.

Rajapriya dan Kumar (2017) berpendapat bahawa peta minda ialah bentuk visual bagi sesuatu informasi yang berciri hierarki yang mengandungi idea berpusat, yang dihubungkan oleh topik-topik yang berkaitan. Mereka berpendapat lagi, peta minda yang berbentuk visual ini memaparkan gambaran menyeluruh tentang sesuatu topik yang kompleks. Menurut Wickramasinghe *et.al.* (2007) berpendapat bahawa peta minda adalah ungkapan pemikiran secara radian (*radiant thinking*) yang merupakan proses pemikiran bersekutu menuju dari titik pusat atau menghubungkannya ke titik pusat. Tee *et.al.* (2009) pula menyatakan bahawa peta minda adalah lakaran yang terdiri daripada tajuk utama yang berada di tengah peta minda dan beberapa garisan di sekelilingnya yang membawa idea-idea sebagai huraian kepada tajuk utama

tersebut. Beberapa tatacara melakar peta minda digariskan oleh Muniroh *et.al.* (2017); iaitu memahami isi petikan, mengenalpasti sis dan huraian yang berkaitan, melakar simbol dan melukis gambar. Terdapat lapan bentuk peta minda atau peta pemikiran yang diperkenalkan; iaitu Peta Bulatan, Peta Buih, Peta Buih Berganda, Peta Dakap, Peta Pokok, Peta Air, Peta Pelbagai Alir dan Peta Titi (Faridah et al: 2016).

Berikut adalah contoh peta minda untuk pengajaran kursus kesusasteraan Arab:


**Rajah 1: Peta Bulatan tentang Konsep Sejarah Kesusasteraan**



Rajah tersebut merupakan peta bulatan yang menerangkan tentang konsep “Sejarah Kesusasteraan”. Topik utama peta tersebut; iaitu “تاريخ الأدب” (kesusasteraan Arab) ditulis pada bulatan yang terletak di tengah peta yang berwarna merah, manakala perincinya ditulis pada sekitar bulatan yang berwarna biru yang melingkari bulatan merah. Peta Bulatan ini merupakan proses pemikiran yang digunakan untuk menjana pengetahuan tentang sesuatu topik dengan cara sumbang saran, menyatakan pengetahuan sedia ada, memperkenalkan tajuk, menyemak dan memurnikan pengetahuan pada akhir pelajaran. (Faridah et al: 2016).

Contoh peta buih yang digunakan dalam pengajaran kesusasteraan Arab adalah seperti berikut:

**Rajah 2: Peta Buih tentang Ciri Kesusasteraan Islam**



Rajah tersebut adalah tentang peta buih yang menjelaskan ciri kesusasteraan Islam. Topik utama peta tersebut ditulis pada bulatan tengah; iaitu **الإسلامي خصائص الأدب** (Ciri-ciri kesusasteraan Islam), manakala keterangan untuk topik tersebut ditulis pada bulatan-bulatan di sekelilingnya. Peta Buih ini digunakan untuk menjelaskan kualiti atau ciri benda, objek atau perkara dan lain-lain. (Faridah et al: 2016).

#### ***Analisis Keputusan Pra-Ujian (Pdp dengan Pendekatan Konvensional) Dan Pasca Ujian (Pdp dengan Pengaplikasian Peta Minda)***

##### ***Analisis Keputusan Pra-Ujian***

Pra-ujian dijalankan untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar terhadap kursus kesusasteraan arab dengan pendekataan konvensional. Soalan yang diberikan mencakup aras 1 hingga aras 4 Taksonomi Bloom. Soalan yang diajukan mencakup “Sejarah Kesusasteraan Arab” dan “Analisis Teks Pilihan”. Markah yang diperoleh dalam ujian tersebut dibahagikan kepada lima seperti dalam jadual dan rajah berikut:

### **Jadual 1: Keputusan Pra-ujian**

| <b>Markah</b>            | <b>Kekerapan</b> | <b>Peratusan</b> |
|--------------------------|------------------|------------------|
| Sangat Lemah<br>(0%-20%) | 25               | 28%              |
| Lemah<br>(21%-40%)       | 47               | 53%              |
| Memuaskan<br>(41%-60%)   | 16               | 18%              |
| Baik<br>(61%-80%)        | 1                | 1%               |
| Cemerlang<br>(81%-100%)  | 0                | 0%               |
| <b>Jumlah</b>            | <b>89</b>        | <b>100%</b>      |

Jadual dan rajah tersebut menunjukkan markah yang diperoleh oleh pelajar dalam pra-ujian. Pengelasan markah dibahagikan kepada lima; iaitu Sangat Lemah (0% - 20%), Lemah (21% - 40%), Memuaskan (41% - 60%), Baik (61% - 80%) dan Cemerlang (81% - 100%). Daripada ujian yang dijalankan, didapati bahawa lebih separuh daripada pelajar memperoleh markah dalam lingkungan 21% hingga 40% yang dikelaskan sebagai Lemah. 25 orang pelajar yang mewakili 28% daripada keseluruhan pelajar memperoleh markah antara 0% hingga 20% yang dikategorikan sebagai Sangat Lemah. 18% daripada pelajar; iaitu 16 orang memperoleh tahap Memuaskan dengan markah antara 41% hingga 60%. Hanya seorang pelajar yang memperoleh markah antara 61% hingga 80% yang diklasifikasikan sebagai Baik.

Berdasarkan markah yang diperoleh daripada ujian, kajian mendapati bahawa terdapat responden yang hanya menghafal tanpa memahami sesuatu fakta kesusasteraan. Hal ini disebabkan jawapan yang diberikan adalah salah dan ayat yang digunakan adalah seperti dalam nota kuliah yang diberikan.

Selain daripada itu, terdapat soalan-soalan yang ditinggalkan tanpa jawapan oleh responden. Ini menunjukkan bahawa responden banyak bergantung kepada hafalan semata-mata tanpa cuba menjawab soalan berdasarkan kefahaman responden terhadap soalan yang diberikan. Hal ini berkaitan dengan pendekatan konvensional yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang kurang memberikan keterlibatan kepada pelajar dalam mendapatkan pemahaman secara kendiri. Dapatkan tersebut juga menunjukkan bahawa kursus kesusasteraan Arab dikategorikan sebagai kursus yang susah kerana perlu untuk mengingat pelbagai fakta kesusasteraan Arab daripada zaman-zaman yang berbeza.

Min dalam pra-ujian; iaitu 32.2% menjelaskan bahawa keputusan yang diperoleh menunjukkan penguasaan pelajar yang lemah dalam kursus kesusasteraan Arab dengan pendekatan konvensional. Selain daripada itu, julat dalam pra-ujian ini juga sangat besar; iaitu 53% markah. Daripada julat yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa perbezaan antara pelajar yang dapat menguasai kursus kesusasteraan Arab dengan yang tidak menguasainya sangat ketara. Hal ini disebabkan perbezaan markah tertinggi dengan markah yang terendah sangat besar, iaitu 53 markah. Sisihan piawai untuk pra-ujian ialah 12.304.

Daripada pengiraan tersebut, berikut adalah jadual yang menunjukkan elemen-elemen utama dalam statistik deskriptif:

**Jadual 2: Elemen Utama dalam Statistik Deskriptif untuk Pra-ujian**

| Perkara        | Bilangan/Nilai |
|----------------|----------------|
| Pelajar        | 89             |
| Min            | 32.2           |
| Sisihan Piawai | 12.304         |
| Varian         | 151.397        |
| Julat          | 53             |

Min yang dalam taburan skor pra-ujian adalah 32.2 dan sisihan piawai adalah 12.304. Oleh itu, anggaran skor adalah dalam julat  $32.2 - 12.304$  dan  $32.2 + 12.304$  atau antara 19.896 dan 44.504. Julat ini menunjukkan bahawa skor pencapaian yang diperoleh oleh pelajar adalah pada kadar yang lemah.

### ***Analisis Keputusan Pasca Ujian***

Pasca ujian dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang penguasaan pelajar terhadap kursus kesusasteraan arab dengan pengaplikasian peta minda. Soalan yang diberikan turut mencakup aras 1 hingga aras 4 Taksonomi Bloom. Soalan juga mencakup “Sejarah Kesusasteraan Arab” dan “Analisis Teks Pilihan”. Markah yang diperoleh dalam ujian tersebut dibahagikan kepada lima seperti dalam rajah berikut:

### **Jadual 3: Keputusan Pasca Ujian**

| <b>Markah</b>            | <b>Kekerapan</b> | <b>Peratusan</b> |
|--------------------------|------------------|------------------|
| Sangat Lemah<br>(0%-20%) | 0                | 0%               |
| Lemah<br>(21%-40%)       | 0                | 0%               |
| Memuaskan<br>(41%-60%)   | 34               | 38%              |
| Baik<br>(61%-80%)        | 54               | 61%              |
| Cemerlang<br>(81%-100%)  | 1                | 1%               |
| <b>Jumlah</b>            | <b>89</b>        | <b>100%</b>      |

Jadual dan rajah tersebut menunjukkan markah yang diperoleh oleh pelajar dalam pasca ujian. Pengelasan markah dibahagikan kepada lima; iaitu Sangat Lemah (0% - 20%), Lemah (21% - 40%), Memuaskan (41% - 60%), Baik (61% - 80%) dan Cemerlang (81% - 100%). Daripada ujian yang dijalankan, didapati bahawa terdapat peningkatan markah yang diperoleh oleh pelajar dibandingkan dengan Pra-ujian. Dalam pasca ujian ini, lebih separuh daripada pelajar memperoleh markah dalam lingkungan 61% hingga 80% yang dikategorikan sebagai Baik. 54 orang pelajar yang mewakili 61% daripada keseluruhan pelajar memperoleh markah antara 61% hingga 80%.

38% daripada pelajar; iaitu 34 orang memperoleh tahap Memuaskan dengan markah antara 41% hingga 60%. Hanya seorang pelajar yang memperoleh markah antara 81% hingga 100% yang diklasifikasikan sebagai Cemerlang. Tiada seorang pun pelajar yang memperoleh markah di bawah 40%. Ini menunjukkan bahawa penguasaan pelajar terhadap kursus kesusasteraan Arab meningkat dengan pengaplikasian peta minda dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Min dalam pasca ujian; iaitu 64.5% menjelaskan bahawa keputusan yang diperoleh menunjukkan peningkatan yang signifikan dibandingkan dengan Min dalam Pra-ujian yang hanya 32.2%. Selain daripada itu, julat dalam Pasca ujian ini juga adalah 31 markah. Daripada julat yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan yang sangat ketara antara pelajar yang dapat menguasai kursus kesusasteraan Arab dengan yang tidak menguasainya. Hal ini disebabkan perbezaan markah tertinggi dengan markah yang terendah sangat besar, iaitu 31 markah. Sisihan piawaian untuk Pasca ujian ialah 7.466.

Berikut adalah jadual yang menunjukkan elemen-elemen utama dalam statistik deskriptif:

**Jadual 4: Elemen Utama Dalam Statistik Deskriptif untuk Pasca Ujian**

| Perkara        | Bilangan/Nilai |
|----------------|----------------|
| Pelajar        | 89             |
| Min            | 64.5           |
| Sisihan Piawai | 7.466          |
| Varian         | 4 905.1        |
| Julat          | 31             |

Min untuk taburan skor pasca ujian adalah 64.5 dan sisihan piawai adalah 7.466. Anggaran skor adalah dalam julat  $64.5 - 7.466$  dan  $64.5 + 7.466$  atau antara 57.034 dan 71.966. Julat ini menunjukkan bahawa skor pencapaian yang diperoleh oleh pelajar adalah pada tahap yang baik. Ini menunjukkan peningkatan dibandingkan dengan anggaran skor yang diperoleh dalam pra-ujian; iaitu tahap lemah.

#### *Perbezaan Antara Keputusan Pra-ujian dan Pasca Ujian*

**Jadual 5: Perbandingan Elemen Utama dalam Statistik Deskriptif antara Pra-ujian dengan Pasca Ujian**

| Perkara        | Bilangan/Nilai<br>dalam Pra-ujian | Bilangan/Nilai<br>dalam Pasca ujian |
|----------------|-----------------------------------|-------------------------------------|
| Pelajar        | 89                                | 89                                  |
| Min            | 32.2                              | 64.5                                |
| Sisihan Piawai | 12.304                            | 7.466                               |
| Varian         | 151.397                           | 4 905.1                             |
| Julat          | 53                                | 31                                  |

Jadual tersebut meringkaskan perbandingan data yang diperoleh dalam pra-ujian dan pasca ujian. Terdapat peningkatan dalam markah yang diperoleh oleh pelajar dalam Pasca ujian yang menggunakan peta minda dalam pengajaran kursus kesusasteraan Arab. Min yang diperoleh dalam Pasca ujian adalah 64.5, meningkat 32.3 lebih separuh daripada min pra-ujian (32.2) yang menggunakan pendekatan konvensional dalam pengajaran kursus kesusasteraan Arab.

Sisihan piawai yang diperoleh pula menunjukkan peningkatan penguasaan pelajar dengan anggaran skor untuk pasca ujian adalah antara 57.034 dan 71.966, berdasarkan min 64.5 dan sisihan piawai 7.466. Anggaran skor ini menunjukkan peningkatan majoriti pelajar kepada kelompok penguasaan kursus kesusasteraan pada tahap yang baik. Ini berbeza dengan anggaran skor dalam pra-ujian dengan sisihan piawai 12.304

dan min 32.2. Anggaran skor adalah antara antara 19.896 dan 44.504. Julat ini menunjukkan bahawa skor pencapaian yang diperoleh oleh pelajar adalah pada kadar yang lemah.

Jurang perbezaan markah antara pelajar juga berkurangan pada pasca ujian dengan julat 31 dibandingkan dengan Pra-ujian yang mempunyai julat 53. Beza antara kedua julat ini adalah 22. Peningkatan penguasaan pelajar dalam kursus kesusasteraan Arab ini turut digambarkan dalam varian yang diperoleh; iaitu varian Pra-ujian (151.397) dan varian pasca ujian (4 905.1). Ini menunjukkan bahawa pengaplikasian peta minda dalam pengajaran kursus kesusasteraan Arab dapat merapatkan jurang perbezaan tahap penguasaan pelajar semasa pengajaran secara konvensional. Ini dapat membuktikan bahawa penggunaan peta minda dalam pengajaran kursus kesusasteraan Arab dapat membantu pelajar memahami dan menguasai kursus tersebut.

## **KESIMPULAN**

Hasil kajian menunjukkan bahawa pengaplikasian peta minda dalam proses pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Arab menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam pencapaian pelajar. Hal ini dapat dilihat dengan terdapat perbezaan antara pencapaian pelajar dalam pengajaran secara konvensional dengan pengajaran menggunakan peta minda. Hal ini berdasarkan peningkatan markah yang diperoleh oleh pelajar dalam pasca ujian. Min yang diperoleh dalam pasca ujian adalah 64.5, meningkat 32.3 lebih separuh daripada min pra-ujian. Sisihan piawai yang diperoleh pula menunjukkan peningkatan penguasaan pelajar dengan anggaran skor untuk pasca ujian adalah antara 57.034 dan 71.966. Ini berdasarkan min 64.5 dan sisihan piawai 7.466 yang berbeza dengan pra-ujian yang memperoleh sisihan piawai 12.304 dan min 32.2.

Semoga pengaplikasian peta minda dalam pengajaran kursus kesusasteraan Arab di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dapat menghakis persepsi pelajar berkaitan kursus tersebut yang dikategorikan sebagai susah. Diharapkan dengan pengaplikasian peta minda ini, tahap pemahaman pelajar terhadap kursus kesusasteraan Arab, yang merupakan gabungan “Sejarah Kesusasteraan Arab” dan “Kajian Tekst Kesusasteraan” dapat ditingkatkan. Selain daripada itu, seiring dengan perubahan dalam dunia hari ini, pendekatan dalam pengajaran juga perlulah dipelbagaikan dengan menerapkan konsep berfikir dengan diterjemahkan dalam bentuk peta minda.

## **PENGHARGAAN**

Kami ingin merakamkan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang memberikan dana bagi menyiapkan kajian ini. Kod Penyelidikan: 2017-0103-106-01 (GGPU).

## RUJUKAN

- Analisis Gred Peperiksaan Semester 2, 2015/2016:* (2016). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Analisis Gred Peperiksaan Semester 2, 2016/2017:* (2017). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Buku Panduan Akademik Fakulti Bahasa dan Komunikasi Sesi 2014/2015.* (2014). Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Buku Panduan Akademik Fakulti Bahasa Sesi 2006/2007.* (2006). Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Buku Panduan Akademik Fakulti Bahasa Sesi 2008/2009.* (2008). Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Faridah, N., Faiziah, H.S. dan Amran, B. (2016). *Pembelajaran abad ke 21.* Petaling Jaya: Sasbadi.
- Khafaji, M.A.M. (1986). *Al-Shi'r al-Jahiliyy*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnaniy.
- Muniroh, H., Hasfazilah, A., Ch'ng, P.E. & Siti Nurleena, A.M. (2017). Tinjauan literature penggunaan peta minda dalam pengajaran matematik. *International Academic Research Journal of Social Science*, 3(1), 208-213.
- Rajapriya, M & Kumar, C.N. (2017). Effectiveness of mind mapping in higher education. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8(4): 975-981.
- Rosnidar, M., Haeidatul Nashrah, H., Norazilawati, A. & Nik Azmah, N.Y. (2015). Keberkesanan penggunaan i-Think terhadap pencapaian dan minat murid dalam tajuk sifat bahan, sisa tahun 4. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 5(2): 98-116.
- Tee, T. K., Jailani, M.Y., Baharom, M., Widad, O. & Yee, M. H. (2009). Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Menerusi Peta Minda Bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sains dan Teknologi 2009 (PKPST 2009). Hal. 114-121.
- Wickramasinghe A., Widanapathirana N., Kuruppu O., Liyanage I. & arunathilake. (2007). Effectiveness of mind maps as a learning tool for medical students. *South East Asian Journal of Medical Education*, 1(1): 30-32
- Yahya, O. & Azmey, H.O. (2015). Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentative di sebuah sekolah menengah Arab di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2): 32-45.
- Zarima M.Z. dan Taj Rijal M.R. (2015). Perkembangan program minor bahasa Arab di Fakulti Bahasa, UPSI. dlm. Zamri Arifin dan Zainuddin Ismail (pnyt.). *Pemerkasaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa dan Kesusastraan Arab di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*, hlm. 78-85. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.